



E-ISSN 2550-1992  
Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,  
Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: alirsyad@kuis.edu.my  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**Vol. 6, No. 1, (June, 2021)**

## **Hak pasangan bukan Islam dalam harta perkahwinan terdahulu menurut perspektif syarak**

**[The rights of non-Muslim couples to previous marriage property according to Islamic perspective]**

**Rina Fakhizan Mohd Sukri, Zuliza Mohd Kusrin,\* Mhd Zamro Muda & Mhd Yazid Ahmad**

Pelajar Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia.

\* Corresponding Author: Prof. Madya Dr. Zuliza Mohd Kusrin. Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia. E-mail: Zuliza@ukm.edu.my, Telp.: 0196220212.

---

**Keywords:**

*Property, Non-Muslim,  
Previous Marriage, Islamic  
Perspective*

---

**ABSTRACT**

*Religious differences are among one of the obstacles to inherit property between husband and wife, parents and children as well as relatives. In issues involving spouses from previous civil marriage, when one of them converts to Islam, the issue of inheriting property between them is frequently raised up, if the marriage has not been dissolved yet. Thus, this article analyses issue of inheritance and division of matrimonial property from the previous civil marriage, between spouse of different religion, that is Muslim and non-Muslim, according to Islam. The objective of this discussion includes the concept of inheritance and division of matrimonial property between husband and wife of different religion, that are Muslim and non-Muslim in Islam it also analyses on the type of matrimonial property in the marriage. This is a qualitative study, that refers to both premier and secondary data. Moreover, data gathered are then analysed descriptively and presented according to its relevant themes. The research findings found that in the context of differences of religious belief between ex-husband and wife, there are properties that can be claimed and could not be claimed by the non-Muslim spouse. This research concludes that inheritance and nominated property cannot be claimed among them because they include under the category of properties belonging to a Muslim that could not be claimed by any non-Muslims. Whereas other property such as inter vivos, jointly acquired property and maintenance are not included under the category of inheritance property, thus such can be claimed by non-Muslims.*

---


**Kata Kunci:**

*Harta, Bukan Islam,  
Perkahwinan Terdahulu,  
Syarak*

---

**ABSTRAK**

Berlainan agama adalah salah satu halangan untuk mewarisi harta sesama suami isteri, ayah ibu dengan anak-anak dan juga saudara mara. Dalam isu melibatkan pasangan daripada perkahwinan sivil, apabila salah seorang daripadanya memeluk agama Islam, isu perwarisan serta pembahagian harta sesama mereka seringkali dibangkitkan. Justeru, artikel ini menganalisis isu perwarisan dan pembahagian harta dalam perkahwinan terdahulu antara pasangan berlainan agama, menurut perspektif syarak. Objektif perbincangan mencakupi konsep perwarisan serta pembahagian harta antara



suami isteri Muslim dan non-Muslim dalam Islam. Perbincangan juga menganalisis jenis-jenis harta dalam perkahwinan tersebut. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang merujuk kepada data-data premier dan sekunder. Data-data terkumpul seterusnya dianalisis secara deskriptif dan dipersembahkan mengikut tema-tema yang bersesuaian. Hasil kajian mendapati dalam konteks bekas suami isteri yang berlainan agama, terdapat harta yang boleh dituntut oleh pihak yang bukan Islam dan juga tidak boleh dituntut oleh mereka yang bukan Islam.

Received: July 02, 2020

Accepted: February 01, 2021

Online Published: June 30, 2021

## 1. Pendahuluan

Rumah tangga terbina hasil sebuah ikatan perkahwinan bertujuan memperolehi ketenangan, kasih sayang dan rahmah (Abdul Majid, et al., 2020). Perkahwinan dalam Islam merangkumi semua aspek kehidupan berkaitan hal ehwal kekeluargaan termasuk perkongsian semasa dalam perkahwinan atau selepas berlaku perceraian hidup atau kematian. Di Malaysia, setelah pasangan bercerai, tuntutan berkaitan perkahwinan dibicarakan di mahkamah Syariah. Namun, dalam isu perceraian pasangan berlainan agama iaitu bukan Islam dan salah seorangnya kemudian memeluk Islam, konflik perundungan Sivil dan Syariah berlaku. Kes pertukaran agama lazimnya berkaitan status perkahwinan dan perceraian dan isu pengurusan harta pasangan tersebut. Isu kehartaan seperti harta pusaka, harta penama, hibah dan lain-lain dan juga harta perkahwinan seperti nafkah tertunggak dan harta sepencarian dan lain-lain (Borkowski, 2002). Pengurusan harta tersebut lebih merumitkan jika pihak yang memeluk Islam meninggal dunia, kerana ia melibatkan isu status kelayakan waris-waris yang berlainan agama juga (Muda, 2000).

## 2. Konsep Harta Perkahwinan dalam Islam

Jenis-jenis harta yang termasuk dalam harta perkahwinan ialah harta pusaka, hibah, harta sepencarian, harta penama dan nafkah (Mohd Kusrin, 2000). Perbincangan berikutnya akan menjelaskan konsep harta-harta tersebut serta hak bekas pasangan bukan Islamnya terhadap harta tersebut menurut syarak.


### 2.1 Harta Pusaka

*al-Māwruθ* atau harta pusaka dari segi bahasa ialah kekal, perpindahan sesuatu daripada seseorang kepada seseorang yang lain atau daripada kaum kepada kaum yang lain, sama ada yang ditinggalkan itu harta atau ilmu (al-Šabūnī, 1996). Manakala dari segi istilah ialah peninggalan simpati daripada harta benda dan hak-hak yang akan diwarisi oleh waris-waris disebabkan oleh kematian pewarisnya (al-Jabūrī & ‘Abd al-Ḥaq Ḥumaysh, 2008). Manakala *farā’id* merupakan kata jamak bagi perkataan *farīdah*, bermaksud kewajipan atau ketetapan. Ini kerana terdapat pembahagian-pembahagian yang ditentukan oleh syarak. Menurut bahasa *farā’id* adalah ketentuan (al-Khīnn, al-Bughā & ‘Alī, 2008). Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah [2] ayat 237:

وَإِنْ طَلَقُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ وَقَدْ فَرَضْتُ لَهُنَّ فَرِيضَةً فَنِصْفُ مَا فَرَضْتُمُ إِلَّا أَنْ يَعْفُونَ أَوْ يَعْفُوا الَّذِي  
بِيَدِهِ عُقْدَةُ النِّكَاحِ وَأَنْ تَعْفُوا أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَلَا تَنْسُوا الْفَضْلَ بَيْنَكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ  
٢٣٧

Maksudnya:

*“Dan jika kamu ceraikan mereka sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka, padahal kamu sudah menetapkan kadar maskahwin untuk mereka, maka mereka berhak mendapat separuh dari maskahwin yang telah kamu tetapkan itu, kecuali jika mereka memaafkannya tidak menuntutnya); atau (pihak) yang memegang ikatan nikah itu memaafkannya (memberikan maskahwin itu dengan sepenuhnya). Dan perbuatan kamu*



bermaaf-maafan (*halal menghalalkan*) itu lebih hampir kepada taqwa. Dan janganlah pula kamu lupa berbuat baik dan berbudi sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu kerjakan”

Definisi *farā'iḍ* menurut syarak ialah bahagian yang telah ditentukan oleh syarak kepada pewaris. Pendapat lain mengatakan *farā'iḍ* ialah kaedah feqah dan kaedah kira-kira yang membolehkan mengetahui bahagian pusaka setiap pewaris (al-Khīn, al-Bughā & ‘Alī, 2008). Keharusan mewarisi harta antara ahli keluarga adalah seperti firman Allah SWT dalam surah al-Nisā’ [4] ayat 7:

لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ مَفْرُوضًا

﴿

Maksudnya:

“Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah)”

Terdapat juga hadis yang membincangkan berkaitan harta pusaka sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي عَبَّاسٍ رَضِيَّ اَسْعَهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْحُجُورُ الْفَرَائِضُ هُلُّهَا فَمَا بَقِيَ فَلَا وَلَى رَجُلٍ ذَكَرٍ

[al-Bukhārī, Kitāb al-Farā'iḍ, Bāb Mīrāth al-jad ma 'a al-ab wal ikhwah, no hadis 6240]

Maksudnya:

Daripada Ibn ‘Abbās RA daripada Nabi SAW bersabda: “Serahkanlah harta-harta pusaka kepada pemiliknya. Sekiranya ada baki, serahkanlah kepada kaum keluarga lelaki.”

Jelasnya, harta pusaka adalah harta peninggalan si mati yang boleh diwarisi oleh ahli keluarganya yang layak menurut syarak. Susunan ahli waris yang layak mewarisi harta si mati adalah contohnya jika seorang suami meninggal dunia, hartanya boleh diwarisi oleh isteri atau isteri-isteri, anak-anak, bapa, ibu, adik beradik lelaki dan seterusnya. Islam telah menetapkan golongan waris yang akan mendapat harta pusaka secara fardū yang dinamakan sebagai waris *ashāb al-furūd* (Daradikah, 1986). Walau bagaimanapun, senarai ahli waris yang layak untuk mewarisi harta si mati akan terhalang kerana alasan tertentu di mana antaranya berlainan agama (Baharudin, & Mohamed Said, 2015).

Berdasarkan kepada dalil-dalil di atas mualaf yang perkahwinannya dengan bekas pasangan bukan Islam belum terbubar menurut undang-undang, tidak boleh mewarisi antara sesama mereka. Begitu juga jika si mati mempunyai anak-anak hasil daripada perkahwinan terdahulu sebelum beliau memeluk agama Islam, anak-anaknya juga tidak berhak mewarisi harta simati atau bapanya kerana mereka berlainan agama (Baharudin, & Mohamed Said, 2015).

Terdapat empat sebab yang melayakkan seseorang mewarisi harta si mati iaitu hubungan keturunan, pernikahan, walak dan juga Islam (al-Khīn, al-Bughā & ‘Alī, 2008). Oleh itu sekiranya tidak terdapat pewaris yang beragama Islam, harta tersebut akan diserahkan kepada baitulmal seperti kes *Re Emily binti Abdullah @ Yew Leng Neo [1996] JH X/II, 195*, bahawa harta pusaka si mati mualaf hendaklah dibahagikan kepada waris yang beragama Islam sahaja, iaitu suaminya dan baki harta tersebut dikembalikan kepada baitulmal memandangkan si mati tidak mempunyai waris lain yang beragama Islam (Abdul Rashid, & Ahmad, 2013).

Dalam undang-undang Pusaka Islam, terdapat tiga halangan untuk mewarisi harta pusaka iaitu segala bentuk perhambaan, pembunuhan dengan sengaja atau tidak sengaja dan perbezaan agama antara Islam dan kafir (Muda. et al, 2008). Justeru, dalam konteks hubungan suami isteri yang berlainan agama, iaitu agama Islam dan bukan Islam, sekiranya salah seorang meninggal dunia sebelum perkahwinan sivil mereka dibubarkan, harta mualaf tersebut tidak boleh diwarisi oleh pasangannya yang bukan beragama Islam.



## 2.2 Harta Sepencarian

Harta sepencarian ialah harta suami isteri yang diperoleh selepas perkahwinan di atas usaha bersama. Dalam adat temengung harta ini dikenali sebagai harta sepencarian. Manakala di Perak disebut harta syarikat (Md Nor, 1996). Menurut istilah adat perpatih ialah harta laki bini (Awang, 2002). Kadar untuk suami atau isteri bagi harta sepencarian tidak ditentukan secara ketetapan bahagian yang sepatutnya diperoleh oleh suami atau isteri kecuali menggunakan faktor penentu yang dilihat dalam harta sepencarian ialah sumbangan suami atau isteri terhadap harta berkenaan (Md Nor, 1996).

Namun, terdapat perselisihan pendapat terhadap faktor penentu sama ada sumbangan tersebut berbentuk moral atau tenaga kerja. Pertama, fatwa oleh Mufti Kerajaan Negeri Terengganu yang mengatakan bahawa sekiranya harta tersebut merupakan hak milik khas, harta tersebut menjadi hak milik masing-masing. Adapun harta yang diusahakan bersama, ia wajib dibahagi menurut kadar sumbangan tenaga yang diberi oleh masing-masing untuk mendapatkan keuntungan dengan tidak mengambil kira modal dikeluarkan oleh suami atau isteri. Kedua fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah berpendapat harta sepencarian hendaklah dibahagikan mengikut kadar berdasarkan upah munasabah menurut kelaziman sesuatu kerja atau usaha. Berdasarkan kedua-dua fatwa tersebut, pembahagian harta sepencarian adalah berdasarkan harta dan tenaga bukannya berbentuk moral (Md Nor, 1996). Dalam konteks pasangan berlainan agama, harta sepencarian yang diperolehi ataupun diusahakan semasa dalam tempoh perkahwinan perlu dibahagikan mengikut sumbangan masing-masing.

## 2.3 Nafkah

Nafkah berasal daripada perkataan Bahasa Arab, iaitu *nafaqa - yanfiq - infāq*, bermaksud menghabiskan atau seseorang membelanjakan hartanya. Manakala *infāq* bermaksud belanja makan untuk hidup (Ibn Manzūr, 1968). Nafkah dari segi istilah ialah semua perkara yang diperlukan oleh manusia seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal (al-Khīn, al-Bughā & 'Alī, 2008).

Manakala nafkah menurut ulama ialah apa-apa yang dibelanjakan oleh seseorang untuk isterinya, ahli keluarganya, kaum kerabatnya dan juga hamba yang berada di bawah tanggungannya. Ijmak ulama bersepakat mengatakan bahawa suami wajib memberi nafkah kepada isterinya berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan (al-Zuhaylī, 1997) berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Nisā' [4] ayat 34:

الرِّجَالُ قَوْمُونَ عَلَى الْتِسَاءِ بِمَا فَضَلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّلِحَاتُ قَنِيتُ  
حَافِظَتُ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَأَلْقَى تَخَافُونَ نُشُورُهُنَّ فَعُظُولُهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ  
أَطْعَنُكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْا كَبِيرًا ﴿٢٤﴾

Maksudnya:

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar"

Ayat ini menerangkan bahawa suami bertanggungjawab memberi nafkah kepada isterinya. Suami juga berkewajipan memberi nafkah makanan, pakaian dan tempat tinggal (Hamka, 2007) sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah [2] ayat 233:



وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أُولَئِنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّ الرَّضَاةُ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ  
بِالْمَعْرُوفِ ... ٢٣

Maksudnya:

“Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makanan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya”

Kedua-dua ayat ini menerangkan kewajipan suami memberi nafkah kepada isterinya. Walau bagaimanapun suami perlu memberi nafkah mengikut kadar kemampuannya (Hamka, 2007). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Talāq [65] ayat 7:

لِيُنْفِقُ ذُو سَعَةٍ مِّنْ سَعْتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا مَاتَهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا مَأْتَهَا  
سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ⑦

Maksudnya:

“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah SWT kepadanya (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.”

Berdasarkan dalil di atas, seorang suami wajib memberi nafkah atau perbelanjaan untuk isterinya, menurut kemampuannya. Jika seseorang itu mampu, berilah nafkah menurut kemampuan dan bagi orang yang berhutang dikira sebagai seorang yang tidak mampu. Ini dapat disimpulkan bahawa suami wajib memberi nafkah kepada isteri seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal dengan kadar kemampuan suami (Hamka, 2007).

### 3. Harta-Harta Lain yang Berkaitan

#### 3.1 Hibah

Hibah dari segi bahasa berasal daripada perkataan Arab iaitu “wahaba” yang bermaksud ‘tabarru’ (al-Jurjānī, 2000) atau pemberian tanpa balasan (al-Fayyūmī, t.th.). Hibah juga ditakrifkan sebagai pemberian yang bukan untuk mendapatkan sebarang balasan dan tidak juga mempunyai sebarang tujuan (Ibn Manzūr, 2003). Perkataan hibah digunakan untuk maksud memberi kelebihan dan kebaikan dengan suatu yang boleh membawa manfaat kepada penerima sama ada yang diberi itu beurpa harta atau bukan harta (al-Jāzīrī, t.th.).

Hibah menurut syarak pula ialah satu akad pemberian harta miliknya dari satu pihak kepada pihak yang lain semasa hidupnya tanpa balasan dan secara sukarela. Pemberian yang diberikan adalah untuk memuliakan seseorang dan tidak mengharapkan pahala. Pemberian tersebut adalah dengan menggunakan lafadz ijāb dan qabul Muda, 2008). Hukum hibah adalah merupakan amalan sunat dan Islam amat menggalakkan pemberian harta secara hibah terutama sekali kepada ahli keluarga yang terdekat (al-Zuhaylī, 1997). Antara ayat-ayat al-Quran yang menggalakkan amalan hibah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nisā’ [4] ayat 4:

وَإِذَا الْنِسَاءَ صَدَقْتِهِنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبَنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِئْ مَارِيْ ۝

Maksudnya:

“Kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebahagian daripada mas kahwin itu dengan senang hati, makanlah (ambilah) pemberian itu sebagai makanan) yang sedap lagi baik akibatnya.”

Dalil di atas menjelaskan bahawa hibah dibenarkan dalam Islam. Konsep hibah merupakan amalan paling sesuai dipraktikkan dalam masyarakat hari ini dan merupakan antara penyelesaian dalam mengatasi masalah harta bagi isu tersebut (Muda, 2008). Sesuatu akad hibah tidak akan terjadi melainkan setelah



memenuhi rukun dan syarat hibah. Menurut jumhur fuqaha rukun-rukun hibah ialah pemberi hibah, penerima hibah, barang atau harta yang dihibahkan dan juga sighthah iaitu ijab dan qabul (Muda, 2008). Berdasarkan rukun dan syarat hibah, Islam tidak mensyaratkan pemberi dan penerima hibah adalah orang Islam sahaja. Oleh itu, hibah untuk bukan Islam diharuskan selagi tidak bercanggah dengan hukum syarak. Oleh itu seseorang mualaf diharuskan menghibahkan hartanya kepada bekas pasangannya walaupun mereka berlainan agama.

### **3.2 Harta Penama**

Penamaan ialah proses di mana seseorang yang telah mengambil polisi insuran atau menyimpan wang di badan koperasi atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Lembaga Tabung Haji menamakan seseorang yang lain untuk mendapat manfaat daripadanya setelah kematianya (Ahmad & Ibrahim, 2002). Harta penama tidak berdiri dengan sendiri kerana harta penama wujud dalam transaksi caruman bulanan seperti KWSP dan juga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Ia juga wujud dalam urusan wang simpanan di bank-bank dan institusi-institusi kewangan seperti Tabung Haji. Pemilikan sijil-sijil saham, amanah saham, polisi insuran (insuran hayat, insuran pelajaran ataupun insuran pendidikan) juga menyebabkan wujudnya penama (Saad, 2002) di mana penamaan dibuat bertujuan memudahkan penama mengeluarkan duit atau harta tersebut untuk dimanfaatkan oleh waris-waris simati dengan segera tanpa perlu mendapat perintah dari pihak-pihak yang menguruskan harta pusaka. Namun, sebahagian masyarakat Islam beranggapan bahawa penama merupakan pemilik mutlak harta tersebut dan kedudukan ini jelas menyalahi hukum *farā'iḍ* serta wasiat dalam Islam (Muhammad, 1997).

Terdapat perbezaan bagi penama bukan seorang Islam dan penama beragama Islam. Penama bukan seorang Islam berhak untuk mendapat harta tersebut secara mutlak tanpa perlu dibahagikan kepada waris-waris yang lain (Peraturan 9(1) KWSP 2001). Bagi penama beragama Islam pula hanya berperanan sebagai wasi sahaja dan bukannya benefisiari. Penama dilantik bertanggungjawab untuk menguruskan pengagihan simpanan pencarum kepada waris yang berhak mengikut hukum *farā'iḍ* (Peraturan 9(2) KWSP 2001). Peruntukan ini selari dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam khususnya bahawa caruman wang KWSP yang diterima oleh penama merupakan pemegang amanah kepada waris-waris *farā'iḍ* (Muhammad, 1997). Oleh itu, apabila seseorang yang beragama Islam meninggal dunia, pemegang amanah akan menerima amaan sebagai wasi bukan sebagai benefisiari. Justeru, wasi tersebut hendaklah mengagihkan wang tersebut mengikut hukum *farā'iḍ*.

## **4. Hukum Tuntutan Harta Perkahwinan Pasangan Berlainan Agama**

Harta perkahwinan menurut syarak merupakan hak pemilikan harta selepas perkahwinan bagi setiap pasangan. Namun hak tersebut berubah hukumnya sekiranya salah seorang pasangan bukan beragama Islam (Mohd Kusrin, & Muda, 2010). Perbincangan berikutnya menjelaskan hukum-hukum tuntutan terhadap harta perkahwinan antara pasangan berlainan agama menurut pandangan ulama-ulama fiqh dan ulama kontemporari.

### **4.1 Harta Pusaka**

Seseorang yang memeluk Islam dirujuk sebagai ‘saudara baru’ atau ‘mualaf’. Menurut syarak mereka tidak lagi mempunyai hubungan perwarisan dengan ahli keluarga yang tidak memeluk agama Islam, kecuali hubungan silaturrahim iaitu hubungan darah dan keturunan (al-Šābūnī, t.th). Isu berkaitan mewarisi harta pusaka dalam Islam melibatkan tiga keadaan, iaitu (i) hukum sesama agama, (ii) hukum bagi orang Islam mewarisi harta pusaka orang bukan Islam, dan (iii) hukum bagi orang bukan Islam mewarisi harta pusaka orang Islam (Sulong, 2014).

#### **4.1.1 Pewarisan harta pusaka sesama agama**

Dalam isu berkaitan mewarisi harta pusaka sesama Islam para ulamak bersepakat bahawa orang Islam boleh mewarisi harta pusaka peninggalan orang Islam lain tanpa mengambil kira jantina, pangkat dan ketakwaan yang ada pada waris atau pewaris. Begitu juga bagi orang bukan Islam sesama mereka boleh saling mewarisi. Ulama sependapat bahawa orang bukan Islam tidak terhalang daripada mewarisi harta pusaka pewarisan, berdasarkan hukum agama mereka (Abū ‘Aynayn, 1984).



#### 4.1.2 Pewarisan harta pusaka ketika pasangan masih belum Islam

Dalam isu pewarisan orang bukan Islam terhadap orang Islam para ulamak telah bersepakat bahawa orang bukan Islam tidak boleh mewarisi harta pusaka saudaranya yang beragama Islam (al-Zaydān, 1993). Namun terdapat perselisihan pandangan para fuqaha dalam menentukannya pewarisan harta pusaka orang Islam terhadap orang bukan Islam. Pendapat pertama dikemukakan oleh sebahagian mazhab Hanafi dan sebahagian sahabat Rasulullah SAW, seperti Mu‘awiyyah RA, Mu‘ādh ibn Jabal RA dan lain-lain mengatakan bahawa harus bagi seorang muslim mewarisi harta pusaka peninggalan pewarisnya yang bukan beragama Islam (al-San‘ānī, t.th.). Pendapat ini berasaskan kepada kedudukan agama Islam lebih tinggi dan benar berbanding dengan agama lain. Oleh itu, orang Islam boleh mewarisi harta pusaka peninggalan pewarisnya bukan beragama Islam dan orang bukan Islam tidak boleh mewarisi harta pusaka orang Islam. Sekiranya orang Islam tidak boleh mewarisi harta pusaka orang bukan Islam, ia menyebabkan hak harta orang muslim akan hilang dan juga harta orang-orang kafir lebih terdedah menjadi hak milik orang Islam, seperti melalui perperangan (Abū ‘Aynayn, 1984). Bahkan orang Islam lebih layak menerima harta tersebut kerana orang Islam akan menggunakan harta tersebut untuk kebaikan. Manakala sekiranya harta tersebut jatuh ke tangan orang kafir akan menjadikan mereka lebih kuat dan boleh menggugat negara dan umat Islam (Muda, 2000).

Pandangan kedua adalah daripada mazhab Hanafi, Maliki, Syafii dan Hambali bahawa saudara Islam tidak boleh mewarisi harta pusaka pewarisnya yang bukan beragama Islam (al-Nawawī, t.th.). Pandangan mereka berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Anfāl [8] ayat 73:

وَالَّذِينَ كَفَرُواْ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ إِلَّا تَفْعَلُوهُ تَكُنْ فِتْنَةً فِي الْأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ ﴿٧٣﴾

Maksudnya:

“Dan orang-orang yang kafir, setengahnya menjadi penyokong dan pembela bagi setengahnya yang lain. Jika kamu (wahai umat Islam) tidak menjalankan (dasar bantu-membantu sesama sendiri yang diperintahkan oleh Allah) itu, nescaya akan berlakulah fitnah (kekacauan) di muka bumi dan kerosakan yang besar”

Ulama mazhab Hanafi, Maliki, Syafii dan Hambali juga berhujah berdasarkan kepada sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ رَيْدٍ رَضِيَ اَسْعَدُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا يَرِثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرُ وَلَا الْكَافِرُ الْمُسْلِمُ

[al-Bukhārī, *Sahih Bukhārī*, Kitāb al-Farā’id, Bāb Lā yarith al-muslīm al-kāfirūn wa lā al-kāfirūn al-muslīm, no hadis 6267]

Maksudnya:

*Dari Usāmah ibn Zaid RA, bahawa Nabi SAW Bersabda: “Tidak mewarisi seorang Muslim daripada seorang kafir dan tidak mewarisi seorang kafir daripada seorang Muslim.”*

Hadis tersebut menjelaskan orang Islam tidak boleh mewarisi harta pusaka peninggalan pewarisnya yang bukan beragama Islam. Sepertimana yang berlaku terhadap harta pusaka yang ditinggalkan oleh bapa saudara Nabi Muhammad SAW yang tidak memeluk Islam. Dalam kes ini apabila berlaku kematian bapa saudara Nabi iaitu Abū Tālib, hanya ‘Uqayl yang berhak mewarisi harta pusaka tersebut kerana pada masa itu ‘Alī dan Ja‘far telah memeluk Islam walaupun mereka adalah anak saudara kepada Abū Tālib (Abū ‘Aynayn, 1984).

Syariat Islam telah menetapkan bahawa orang Islam tidak boleh mewarisi harta pusaka peninggalan pewarisnya yang tidak beragama Islam, dan orang bukan Islam tidak boleh mewarisi harta pusaka pewarisnya yang beragama Islam kerana perbezaan agama menyebabkan mereka tidak saling mewarisi antara satu sama lain (Baharudin & Mohamed Said, 2015). Dalam isu pewarisan orang Islam terhadap harta orang bukan Islam, pandangan yang paling rajih ialah pandangan mazhab Hanafi, Maliki, Syafii dan Hambali iaitu orang Islam tidak boleh mewarisi harta peninggalan saudaranya yang bukan beragama Islam. Penulis juga bersetuju dengan pendapat empat mazhab tersebut kerana salah satu halangan pewarisan ialah perbezaan agama dan ini juga berdasarkan kepada sabda Rasulullah SAW yang tidak membenarkan orang Islam mewarisi harta orang kafir (al-Nawawī, t.th.).

#### 4.1.3 Pewarisan mualaf bagi harta pusaka selepas pembahagian

Bagi orang yang bukan Islam dan memeluk Islam sebelum kematian pewarisnya yang beragama Islam, beliau berhak untuk mendapatkan harta pusaka simpatik sekiranya tidak terdapat halangan syarak. Manakala dalam kes pemeluk Islam selepas berlaku kematian pewarisnya yang beragama Islam dan telah berlaku pembahagian harta pusaka dalam ahli keluraga si mati, para ulamak telah bersepakat mengatakan bahawa saudara baru tidak berhak terhadap harta pusaka tersebut (Abū ‘Aynayn, 1984).

Namun berlaku perselisihan pendapat dalam menentukan hak pewarisan harta pusaka sekiranya pemeluk Islam berlaku selepas kematian pewarisnya dan sebelum pembahagian harta pusaka dilakukan. Pendapat pertama oleh Imam Ahmad ialah harus baginya mengambil bahagian pusaka peninggalan pewarisnya (Ibn Qudāmah, 1992). Dalam hadis sahih Rasulullah SAW juga bersabda:

عَنْ عَبْدِ اَرْبَنْ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اَللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَا كَانَ مِنْ مِيرَاثٍ فُسِّمَ فِي الْجَاهِلِيَّةِ فَهُوَ عَلَى قِسْمَةِ الْجَاهِلِيَّةِ وَمَا كَانَ مِنْ مِيرَاثٍ اَذْرَكَهُ اِلِّيْسَلَامُ فَهُوَ عَلَى قِسْمَةِ اِلِّيْسَلَامِ

[Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Farā'iḍ, Bāb Qīsmah al-Mawārit, no hadis 2739, hadis Ṣāḥih]

Maksudnya:

Dari ‘Abdullah ibn ‘Umar, sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda: “*Setiap pembahagian yang dibahagikan di masa jahiliyyah, maka ia sesuai dengan pembahagian di masa jahiliyyah itu sendiri. Dan setiap pembahagian selepas kedatangan Islam, maka pembahagiannya hendaklah mengikut pembahagian yang ditetapkan oleh Islam.*”

Hadis tersebut menjelaskan bahawa seseorang yang memeluk agama Islam berhak untuk mendapatkan apa yang menjadi hak mereka apabila memeluk Islam (al-Shawkānī, t.th.). Golongan kedua yang terdiri daripada Imam Hanafi, Syafii dan Malik berpendapat harta pusaka hanya boleh diwarisi oleh waris yang beragama Islam sebelum kematian pewaris. Bagi waris yang memeluk agama Islam selepas kematian pewaris tidak berhak untuk mendapat harta pusaka (Daradikah, 1986). Hujah golongan yang tidak mengharuskan adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Nisā’ [4] ayat 176:


يَسْتَفْتُونَكَ قُلْ أَلَّا هُنَّ يُفْتَيَكُمْ فِي الْكَلَلَةِ إِنْ أُمْرُؤًا هَلَكَ لَهُ وَلَدٌ وَأَخْتٌ فَلَهَا نِصْفٌ مَا تَرَكَ وَهُوَ يَرْثُهَا إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهَا وَلَدٌ فَإِنْ كَانَتَا أُنْتَيْنِ فَلَهُمَا أُلْثُلَاثَانِ مِمَّا تَرَكَ وَإِنْ كَانُوا إِخْوَةً رِجَالًا وَنِسَاءً فَلِلَّذِيْنَ كَرِمُوا مِثْلُ حَظِّ الْأُنْتَيْنِ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَنَّ تَضِلُّوا وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١٧٦﴾

Maksudnya:

“Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (Wahai Muhammad mengenai masalah kalalah). Katakanlah: “Allah memberi fatwa kepada kamu di dalam perkara kalalah itu, iaitu jika seseorang mati tidak ada anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh si mati; dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau pula saudara perempuannya itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan”. Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

#### 4.1.4 Pewarisan mualaf yang memeluk Islam selepas kematian pewaris

Imam Hanafi, Syafii dan Malik mengatakan bahawa seorang ibu yang melahirkan anak selepas kematian anaknya yang lain, anak yang baharu dilahirkan tidak berhak untuk mendapat harta pusaka pewarisnya kerana dilahirkan selepas kematian pewarisnya. Begitu juga dengan pengislaman waris selepas kematian pewarisnya, di



mana waris tersebut tidak berhak mendapat harta pusaka peninggalan pewarisnya. Mereka juga mengatakan hujah golongan yang mengharuskan pewarisan harta pusaka bagi waris yang memeluk agama Islam selepas kematian pewarisnya, sebelum pembahagian pusaka dilakukan adalah lemah kerana hadis-hadis yang digunakan adalah hadis-hadis yang lemah dan tidak layak untuk dijadikan sebagai hujah (Abū ‘Aynayn, 1984).

Hukum syarak juga menetapkan bahawa haram bagi waris yang bukan beragama Islam menerima harta pusaka pewarisnya yang beragama Islam, walaupun waris tersebut kemudiannya memeluk Islam selepas kematianya. Pengislaman ini tidak membatalkan hukum pengharamannya menerima harta pusaka tersebut, sama ada sebelum meninggal dunia atau selepas meninggal dunia. Ini sejajar dengan hukum pengharaman riba dalam Islam, yang mengharamkan menerima riba dalam semua keadaan sama ada sebelum atau selepas mengambilnya (Abū ‘Aynayn, 1984).

Sekiranya pemelukan Islam berlaku selepas kematian pewarisnya yang beragama Islam tetapi sebelum berlaku pembahagian harta pusaka si mati, pendapat yang paling rajih ialah pendapat yang dikemukakan oleh Hanafi, Syafii dan Malik yang mengatakan orang kafir yang memeluk Islam selepas ahli waris muslimnya meninggal dunia adalah tidak berhak ke atas harta pusaka peninggalan si mati. Penulis bersetuju dengan pendapat yang tidak membenarkan pewaris yang memeluk Islam selepas kematian pewarisnya yang beragama Islam untuk menerima harta pusaka, walaupun harta pusaka tersebut belum di bahagikan mengikut faraid. Ini kerana pemelukan Islam tersebut berlaku selepas kematian individu yang hendak diwarisi hartanya. Apabila seseorang itu meninggal dunia, si mati telah meninggalkan waris-warisnya yang berhak ke atas harta pusaka tersebut. Hukum telah menetapkan bahawa orang bukan Islam tidak boleh mewarisi harta pusaka orang Islam. Begitu juga di dalam isu ini yang pada asal bukan Islam kemudian memeluk Islam selepas kematian pewarisnya (Daradikah, 1986).

#### **4.2 Harta Sepencarian**

Kajian lalu mendapati harta sepencarian tidak pernah dibincangkan oleh ulamak-ulamak terdahulu, walau bagaimanapun Islam tidak menghalang amalan harta sepencarian kerana ia merupakan adat sesuatu masyarakat Islam di Malaysia. Ini berdasarkan keputusan kes *Robert @ Kamarulzaman lwn Umi Kalthum* [1981] 2 JH 82, YA Hakim Raja Azlan Shah mengatakan bahawa harta sepencarian adalah adat Melayu yang diguna pakai dalam kes melibatkan harta perkahwinan suami isteri. Pengamalan adat sebagai asas hukum syarak adalah dibenarkan selagimana tidak bercanggah dengan nas al-Quran, al-Sunnah, ijma' dan qiyas serta selari dengan prinsip keadilan dalam Islam. Ia juga bertepatan dengan kaedah feqah “*al-‘ādah muḥakkamah*” iaitu adat boleh diterima sebagai asas atau dasar hukum dan juga “*al-ma‘rūf ‘urfan ka al-mashru‘ shartan*” iaitu suatu perkara yang diterima sebagai uruf dianggap sebagai syarat yang perlu ditunaikan. Dalam hal ini, orang bukan Islam, atau pasangan suami isteri yang berlainan agama boleh menuntut harta sepencarian yang diperolehi atau yang diusahakan semasa dalam tempoh perkahwinan, dengan alasan harta tersebut diperolehi semasa dalam perkahwinan (*al-Nadwī*, 1994).

Seterusnya harta sepencarian bukan termasuk di dalam kategori harta pusaka. seperti dalam kes *Koh Geok Yian lwn Zulkifli Tan Abdullah* [1995] 2 AMR 1525, di mana pemohon memfaillkan petisyen memohon untuk membubarkan perkahwinan atas alasan pemelukan Islam oleh Responden. Pemohon juga memohon perintah sampingan terhadap harta yang diperolehi semasa perkahwinan. Mahkamah selepas mempertimbangkan, berdasarkan seskyen 78 AMU dan bukti-bukti yang dikemukakan terhadap responden yang tidak mempunyai pendapat dan tidak pernah menyediakan keperluan keluarga dan responden juga tidak dapat mengemukakan bukti menunjukkan beliau bekerja semasa perkahwinan dengan pemohon. Oleh itu hakim memutuskan bahawa pemohon berhak ke atas harta sepencarian tersebut dan responden diperintahkan oleh mahkamah untuk memulangkan barang kemas pemohon (*al-Nadwī*, 1994).

#### **4.3 Nafkah dan Hak dalam Iddah**

Dalam Islam, para ulamak telah bersepakat bahawa pasangan yang bukan Islam, kemudian memeluk agama Islam secara serentak, perkahwinan mereka adalah kekal sama ada pernah bersetubuh ataupun tidak. Oleh itu, suami hendaklah meneruskan kewajipan memberi nafkah kepada isterinya seperti biasa (*al-Sharbīnī*, 1958). Begitu juga sekiranya suami memeluk Islam dan isteri kekal di dalam agama asal iaitu agama samawi, dengan itu suami masih bertanggungjawab memberi nafkah seperti yang sepatutnya. Ini kerana perkahwinan mereka tidak terbatasi kerana Allah SWT menghalalkan orang-orang lelaki Islam mengahwini perempuan dari kalangan ahli kitab (*Ibn Qudāmah*, 1985).



Namun terdapat perselisihan pendapat dalam kalangan jumhur ulamak sekiranya suami yang memeluk Islam, manakala isteri masih kekal dalam agama asalnya dan agama asal tersebut bukan agama samawi. Dalam kalangan mazhab Syafii berpendapat bahawa telah gugur tanggungjawab suami untuk membayar nafkah terhadap isterinya. Dan sekiranya isteri tersebut memeluk agama Islam dalam tempoh, ikatan perkahwinan masih kekal dan suami masih bertanggungjawab membayar nafkah terhadap isteri bermula dari pengislamannya. Suami juga tidak perlu membayar nafkah gantian selama tempoh isteri tersebut tidak memeluk Islam. Ini kerana dalam tempoh tersebut isteri dianggap sebagai nusyuz kerana keingkarannya untuk tidak memeluk Islam (al-Ramlī, 1983).

Manakala pendapat kedua dari kalangan mazhab Syafii mengatakan bahawa suami masih bertanggungjawab memberi nafkah kepada isterinya sepanjang tempoh sebelum pengislamannya, suami juga perlu membayar nafkah gantian di dalam tempoh tersebut. Menurut Imam al-Zarkashī sekiranya terdapat keuzuran kepada isteri seperti gila, pengsan, masih kecil, suami masih berkewajipan membayar nafkah dan sekiranya isteri memeluk Islam selepas keuzuran tersebut, itu suami perlu membayar nafkah gantian selama dalam tempoh sebelum pengislamannya (al-Ramlī, 1983).

Manakala pendapat dalam kalangan mazhab Maliki pula mengatakan bahawa suami tidak berhak memberi nafkah kepada isterinya yang memeluk Islam selepas suami memeluk Islam. Namun sekiranya isteri tersebut hamil, suami perlu memberi nafkah walaupun sebelum pegislamannya, kerana dianggap sebagai tanggungjawab si ayah kepada anaknya (Şālih, t.th.). Mazhab Hanbali pula berpendapat bahawa isteri tidak berhak mendapat nafkah daripada suaminya yang memeluk Islam walaupun dalam tempoh eddah. Namun, sekiranya isteri memeluk Islam selepas suami memeluk Islam, suami tidak perlu lagi membayar nafkah gantian yang tertangguh sepanjang tempoh sebelum pengislaman si isteri (Ibn Qudāmah, 1985).

Dalam isu berkaitan kewajipan pemberian nafkah oleh suami yang memeluk Islam kepada isterinya yang tidak mengikutinya memeluk Islam, jumhur ulamak dalam kalangan mazhab Maliki, Hambali dan Hanafi mengatakan bahawa suami tidak lagi berhak memberi nafkah kepada isteri yang tidak memeluk Islam bersama-sama kerana isteri tersebut dianggap sebagai nusyuz dan ingkar dengan perintah suami. Hal ini juga selari dengan pendapat yang menggugurkan nafkah terhadap isteri yang tidak mengikut ajakan suaminya memeluk Islam dianggap nusyuz dan gugur hak nafkahnya (al-Sharbīnī, 1958).

#### *4.3.1 Hak dalam Iddah*

Mazhab Syafii berpendapat suami yang memeluk Islam selepas isteri memeluk Islam tetapi sebelum habis tempoh iddah, masih bertanggungjawab memberi nafkah kepada isterinya sepanjang tempoh sebelum pengislaman suami tersebut. Ini kerana pemelukan Islam oleh isteri tidak menghalangnya mendapat nafkah dari suaminya. Manakala sekiranya suaminya memeluk Islam selepas tamat tempoh iddah, suami berkewajipan membayar nafkah iddah kepada bekas isterinya, kerana isterinya membuat sesuatu yang baik iaitu dengan memeluk Islam dan suami juga berupaya menjaga perkahwinan mereka dengan memeluk Islam (al-Sharbīnī, 1958). Tetapi imam al-Zarkashī berpendapat bahawa sekiranya suami tersebut mempunyai keuzuran seperti gila, pengsan, masih kecil dan sebagainya, suami terkecuali untuk membayar nafkah kepada isterinya (al-Sharbīnī, 1958).

Terdapat pendapat kedua dalam kalangan mazhab Syafii yang mengatakan bahawa suami tidak perlu membayar nafkah kepada isteri dalam dua keadaan iaitu apabila isteri memeluk Islam dan kemudiannya diikuti oleh suami sebelum tamat tempoh iddah. Ini kerana dalam keadaan ini isteri yang menyebabkan terbubarinya perkahwinan mereka. Manakala dalam keadaan kedua pula suami memeluk Islam selepas tamat tempoh iddah atau terus tidak memeluk Islam dan ini dikira sebagai talak bain (al-Sharbīnī, 1958). Manakala mazhab Hanbali mempunyai pendapat yang sama dengan pendapat pertama dari golongan mazhab Syafi'i (Ibn Qudāmah, 1985).

Terdapat dua pendapat dalam kalangan mazhab Maliki iaitu pertama, sekiranya suami memeluk Islam selepas tamat tempoh iddah, suami tidak perlu membayar nafkah kepada bekas isterinya. Ini kerana perkahwinan mereka menjadi bain. Dan kedua, sekiranya suami memeluk Islam semasa dalam tempoh iddah. Dalam permasalahan ini terdapat dua pendapat iaitu pendapat pertama dari al-Lakhmi, Ibn Abū Zamānī dan salah satu dari pendapat Ibn Qāsim yang mengatakan bahawa isteri tidak berhak mendapat nafkah kerana isteri yang menyebabkan terbubar perkahwinan antara mereka. Manakala pendapat kedua oleh Asbagh dan salah satu pendapat Ibn Qāsim yang berpendapat isteri berhak mendapat nafkah kerana apabila suami memeluk Islam dalam tempoh eddah, suami masih berhak ke atas isterinya (Şālih, t.th.).

Namun terdapat juga pendapat yang membezakan di antara pengislaman sebelum bersetubuh atau selepas bersetubuh. al-Maqdisī berpandangan sekiranya pemelukan Islam isteri berlaku selepas persetubuhan, suami perlu membayar nafkah iddah kepada isterinya dan sekiranya pemelukan Islam berlaku sebelum



persetubuhan, suami tidak perlu untuk membayar nafkah iddah kepada isterinya. Pendapat golongan Hanafi selari dengan mazhab Syafii iaitu suami perlu membayar nafkah kepada isterinya kerana pembubaran perkahwinan berlaku disebabkan oleh keengganannya si suami untuk memeluk Islam bersama isterinya (Ṣāliḥ, t.th.). Mereka berhujah berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah [2] ayat 229:

الظَّلَمُ مَرَّتَانِ فَإِمْسَاكٌ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيْحٌ بِإِحْسَنٍ وَلَا يَحْلُّ لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوا مِمَّا ءاتَيْتُمُوهُنَّ شَيْءًا إِلَّا أَنْ يَنْجَافَا أَلَا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَإِنْ خَفْتُمُ أَلَا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا أُفْتَدَتْ بِهِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ۖ

Maksudnya:

"Talak (yang dapat dirujuki) dua kali. Setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang ma'ruf atau menceraikan dengan cara yang baik. Tidak halal bagi kamu mengambil kembali sesuatu dari yang telah kamu berikan kepada mereka, kecuali kalau keduanya khawatir tidak akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah SWT. Jika kamu khawatir bahwa keduanya (suami istri) tidak dapat menjalankan hukum-hukum Allah SWT, maka tidak ada dosa atas keduanya tentang bayaran yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya. Itulah hukum-hukum Allah SWT, maka janganlah kamu melanggarinya. Barangsiapa yang melanggar hukum-hukum Allah SWT, mereka itulah orang-orang yang zalim."

## 5. Harta-Harta Lain yang Berkaitan

### 5.1 Hibah

Berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan al-hadis, hibah merupakan amalan yang diiktiraf oleh Islam di mana telah diamalkan oleh orang-orang Islam sejak dahulu lagi malah ia telah dipelopori oleh Nabi Muhammad SAW. Amalan hibah merupakan salah satu amalan pengurusan harta serta pengagihan harta kekayaan secara adil khususnya kepada ahli waris (Md Nor, 2002). Hibah tidak menjadi sebagai penghalangan bagi faraid malah hibah merupakan pelengkap dalam pembahagian harta pusaka. Pemberian hibah boleh kepada sesiapa yang dikehendaki oleh pemberi hibah samada ahli keluarga atau yang berlainan agama. Manakala faraid telah terdapat ahli waris yang ditetapkan dan faraid tidak boleh diberikan kepada orang bukan Islam (Abdul Rashid, & Ahmad, 2013).

Oleh itu, dalam Islam hibah kepada bukan Islam adalah diharuskan dan merupakan satu jalan penyelesaian bagi pasangan perkahwinan sivil selepas memeluk Islam untuk memberikan harta kepada suami atau isteri. Islam menggalakkan hibah kerana usaha untuk menghargai orang yang berlainan agama terutamanya ibu bapa, suami atau isteri (Abdul Rashid & Ahmad, 2013). Firman Allah SWT dalam surah Āli 'Imrān [3] ayat 92:

لَنْ تَنَالُوا الْبَرَّ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ إِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ۖ

Maksudnya:

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah SWT mengetahuinya."

Keharusan untuk berhibah kepada golongan bukan Islam merupakan salah satu alternatif untuk manama mualaf menyampaikan hartanya kepada ahli warisnya yang tidak memeluk agama Islam (Muda, 2008). Sebagaimana yang berlaku di dalam kes *Poolimachee Rajeswary @ Fatimah bt Baba lwn Meah bt Hasai* [JH X1X/1 BHG 1, 2005, hlm 165], di mana suami kepada defendant dan juga merupakan anak angkat kepada plaintiff. Semasa hidupnya beliau telah menghadiahkan sebidang tanah yang diatasnya terdapat sebuah rumah kepada plaintiff. Walaupun pindah milik tidak dibuat semasa pemberi hibah masih hidup, mahkamah memutuskan bahawa pemberian hibah tersebut memenuhi syarat hibah (Abdul Rashid & Ahmad, 2013).



## 5.2 Harta Penama

Menurut Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-49 yang bersidang pada 19 September 2000 telah membincangkan harta penama merupakan pusaka si mati. Oleh yang demikian harta tersebut perlu dibahagikan mengikut hukum faraid. Mengikut hukum syarak, orang bukan Islam tidak berhak mewarisi harta orang Islam dan begitulah sebaliknya (Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan fatwa, 2000).

Fatwa tersebut menjelaskan bahawa KWSP bagi mereka yang memeluk agama Islam tidak boleh diwarisi oleh seseorang yang bukan beragama Islam. Sekiranya penama kepada KWSP tersebut adalah warisnya yang bukan Islam, penama tersebut perlu ditukarkan kepada warisnya yang beragama Islam. Jika tidak ada waris yang beragama Islam, harta tersebut perlu diserahkan kepada baitulmal (Fatwa Kebangsaan Malaysia, 2000). Ini bersesuaian dengan sabda Rasulullah SAW:

عَنْ الْمِقْدَامَ أَيْ كَعِيْتَةَ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الشَّامِ مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اَللّٰهِ صَلَّى اَللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اَللّٰهِ صَلَّى اَللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ تَرَكَ مَالًا فَلِوَرِثَتِهِ وَمَنْ تَرَكَ كَلَّا فِلِلَّٰيْنَا وَرِثَتِهِ وَأَوْرَثُ مَنْ لَا وَارِثٌ لَهُ اَعْقَلٌ عَنْهُ وَأَرِثٌ وَالْخَالُ وَارِثٌ مَنْ لَا وَارِثٌ لَهُ يَعْقُلُ عَنْهُ وَيَرِثُهُ

[Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Diyāt, no hadis 2624, hadis Ṣaḥīḥ]

Maksudnya:

Daripada al-Miqdām Abū Karīmah, ia adalah seorang laki-laki penduduk Syam yang merupakan salah satu sahabat Rasulullah SAW. al-Miqdām Abū Karīmah RA telah berkata: “Rasulullah SAW telah bersabda: “Barangsiapa yang meninggalkan harta, maka hal tersebut untuk ahli warisnya. Dan Barangsiapa yang meninggalkan keluarga dan hutang yang memberatkan dirinya, maka diserahkan kepada kami.” Dan barang kali Rasulullah SAW bersabda: “Maka serahkanlah kepada Allah dan rasul-Nya. Dan aku adalah ahli waris bagi orang yang tidak memiliki ahli waris. Aku adalah orang yang membayarkan diyat dan mewarisinya. Dan paman adalah ahli waris bagi orang yang tidak memiliki ahli waris. Dialah yang membayarkan diyat dan yang mendapatkan harta warisan”.”

## 6. Kesimpulan

Perkahwinan lazimnya menyebabkan wujud harta dalam tempoh perkahwinan. Namun jika berlaku perceraian atau kematian isu harta yang di usahakan bersama atau diperolehi dalam tempoh perkahwinan perlu diselesaikan melalui pembahagian hak pihak suami dan isteri secara adil. Dalam aspek perceraian yang melibatkan pasangan Islam dan bukan Islam, pembahagian harta tersebut perlu mengambil kira hukum syara’ untuk menentukan hak mewarisi sesama mereka. Dalam isu harta pasangan perkahwinan sivil selepas pemelukan agama Islam oleh salah seorang sahaja daripada pasangan tersebut, terdapat beberapa harta yang tidak boleh diwarisi sesama mereka seperti harta pusaka di mana pasangan yang tidak memeluk agama Islam tidak boleh mewarisi harta tersebut. Begitu juga harta penama yang tidak boleh diwarisi oleh pasangan yang tidak memeluk Islam kerana harta penama seperti KWSP, PERKESO, simpanan di bank-bank yang menyebabkan wujudnya penama adalah harta pusaka. Manakala harta yang boleh dituntut oleh pasangan berlainan agama seperti harta hibah, harta sepencarian dan juga nafkah.

Bagi memberi keadilan kepada pihak yang tidak memeluk Islam satu perancangan khusus perlu dibuat bagi mengatasi masalah pembahagian harta pusaka kepada bukan Islam. Insrumen hibah merupakan satu alternatif pengurusan harta yang membawa tujuan atau maksud yang sama dengan bentuk-bentuk sistem pewarisan harta yang lain iaitu pengagihan harta kekayaan secara adil dan boleh memupuk kasih sayang serta mencegah permusuhan. Konsep hibah yang memberi kelonggaran kepada sesiapa sahaja asalkan penerima hibah mempunyai keupayaan memiliki harta secara tidak langsung memperlihatkan keindahan Islam sebagai agama yang amat menitikberatkan soal penghormatan kepada ibu bapa dan keluarga serta menggalakkan kasih sayang sesama manusia. Oleh itu, ketidakadilan dalam pembahagian harta bagi pasangan yang tidak memeluk Islam akan menemui jalan penyelesaian sekiranya pasangan yang memeluk agama Islam mempetisyen pembubaran perkahwinan dan juga tidak merahsiakan pemelukan Islam.



## Rujukan

- Abdul Majid, M., Abu Bakar, S., Marlon Abdullah, M. Y., Hamjah, S.N., Aini, Z., Mohd Jamil, M. R. & Mansor, N. (2020). Pendekatan mengurus konflik dalam rumah tangga bermadu. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(1), 254. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/98/57>.
- Abdul Rashid, R. & Ahmad, N. H. (2013). Pengurusan harta melalui hibah: kepentingan dan manfaat dari pelbagai aspek untuk kemajuan ummah. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 5, 1. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/jihadhari/article/view/12601/4070>.
- Abū ‘Aynayn, B. (1984). *Al-‘Alāqat al-ijtimā‘iyyat bayna al-muslimīn wa ghayr al-muslimīn*. Beirut: Dār al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Ahmad, M. Y. & Ibrahim, I. A. (2002). Amalan penamaan harta orang Islam di Malaysia: satu tinjauan ringkas menurut Syariah Islamiah. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 3(6), 63-80. Retrieved from <https://core.ac.uk/download/pdf/11490828.pdf>.
- Awang, M. R. (2002). Harta sepencarian: perkembangannya dan kajian kes. Dlm. M. Z. Yahaya, A. B. Mohamad, A. F. Omar & M. Z. Muda (Pnyt.), *Isu Syariah dan Undang-undang* (pp. 14). Selangor: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Baharudin, N. I. & Mohamed Said, N. L. (2015). Analisis isu pewarisan harta pusaka saudara baru di Malaysia. *Prosiding Seminar Fiqh Semasa* (pp. 7). Bangi: UKM.
- Borkowski, A. (1997). *Textbook on succession*. New York, NY: Oxford University.
- Daradikah, Y. A. I. (1986). *Al-Mīrath fi sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Beirut: Muasassah al-Risalah.
- al-Fayyūmī, A. (t.th.). *Al-Miṣbah al-munīr*. Kaherah: Dār al-Ma’ārif.
- Hamka. (2007). *Tafsir Al-Azhar*. Jil. 1 & 2. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Ibn Ḥazm, A. A. S. (1993). *al-Muḥallā bi al-Athār*. Jil. 8. Lebanon: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Manzūr, J. M. M. (2003). *Lisān al-‘Arab*. Jil 6. Kaherah: Dār al-Hadis.
- Ibn Qudāmah, M. A. A. (1985). *al-Mughni*. Jil. 7 & 10. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Jazīrī, A. (t.th.). *Kitāb al-fiqh ‘ala al-madhāhib al-arba‘ah* (Jil 3.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Jurjānī, A. M. (2000). *Kitāb al-ta‘rīfat*. Jeddah, KSA: al-Haramain.
- Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan fatwa bertarikh 19 September 2000. Retrieved from <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15206>.
- al-Maqdisī, A. M. (1992). *al-Kāfi fī al-fiqh al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal*. Jil. 3. Beirut: Dār al-Fikr.
- Md Nor, S. Z. (2002). Pengurusan wakaf, wasiat dan hibah di Malaysia. Dlm. M. Z. Yahaya, A. B. Mohamad, A. F. Omar & M. Z. Muda (Pnyt.), *Isu Syariah dan Undang-undang dlm Isu-isu Syariah* (pp. 1-11). Selangor: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Mohd Kusrin, Z. & Muda, M. Z. (2010). Kesan pertukaran agama pasangan suami isteri terhadap pemilikan harta: satu sorotan. Dlm. M. Z. Muda, N. L. Mohamad Said, M. A. Samsudin, C. M. Ahmad & I. A. Ibrahim (Pnyt.). *Isu-isu Harta Orang Islam Di Malaysia* (pp. 130-131). Bangi: Jabatan Syariah.
- Mohd Kusrin, Z. (2000). Pemelukan Islam: tinjauan terhadap persoalan nafkah suami, isteri dan anak-anak yang berlainan agama. *Kertas Kerja Seminar Penyelidikan ddalam Pengajian Islam Ke 2* (pp 28-30). Bangi: UKM.
- Muda, M. Z. (2000). *Kesan pertukaran agama dan mazhad terhadap undang-undang diri di Malaysia* (Unpublished doctoral thesis), Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Muda, M. Z., Awang, M. R., Mohamad, A. B. & Ahmad, M. Y. (2008). *Undang-undang dan pentadbiran pusaka, wasiat dan wakaf orang Islam di Malaysia*. Bangi: UKM.
- Muhammad, A. K. (1997). Harta penama bukan harta pemberian dan wasiat. *Jurnal Syariah*, 2, 163-164. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22974>.
- al-Nadwī, A. (1994). *al-Qawā‘id al-fiqhiyyah*. Damsyik: Percetakan Darul Qalam.
- al-Nawawī, A. Z. (t.th.). *Minhāj al-tālibīn wa ‘umdāt al-muftīn*. Jil. 2. Jeddah, KSA: al-Haramain.
- al-Ramlī, S. D. (1983). *Nihāyah al-muhtāj*. Jil. 6. Kaherah: al-Matba‘ah al-Amīriyyah.
- Saad, Z. (2002). *Pentadbiran harta penama di Institusi-institusi Kewangan di Malaysia: satu kajian mengikut perspektif undang-undang Islam* (Doctoral thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur). Retrieved from <http://studentsrepo.um.edu.my/926/>.
- al-Šābūnī, M. A. (1996). *Al-Mawārith fī al-sharī‘ah al-Islāmiyyah fī dār al-kitāb wa al-sunnah*. Damsyik: Dār al-Quran.
- Şālih, S. A. (t.th.). *Jawāhir al-iklīl*. Jil.1. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- al-San‘ānī, M. I. (t.th.). *Subul al-salām sharh bulūgh al-marām*. Jil. 3. Pulau Pinang: Pustaka al-Maarif.



Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,  
Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: [alirsyad@kuis.edu.my](mailto:alirsyad@kuis.edu.my)  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**Vol. 6, No. 1, (June, 2021)**

- al-Sharbīnī, M. K. (1958). *Mughnī al-muhtāj ila ma'rifat ma'āni alfāz al-minhaj*. Jil. 2. Kaherah: Matbaah Mustafa al-Halabi.
- al-Shawkānī, M. A. M. (t.th.). *Nayl al-awṭar sharḥ mutaqā al-akhbār*. Jil. 6 & 7. Kaherah: Maktabah al-Kuliyyah al-Azhariyah.
- Sulong, J. (2014). Hak saudara baru terhadap harta pusaka: analisis undang-undang semasa. *JIMK: Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 8, 22. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/115/89>.
- al-Zaydān, A. K. (1993), *al-Mūfāṣṣal fī aḥkām al-mar'ah wa al-bāyt al-muslim*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Zuhaylī, W. (1997). *al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuh*. Jil. 5. Beirut: Dār al-Fikr.